

LAPORAN KAJIAN AKHIR CADANGAN MEREKABENTUK DALAMAN RESTORAN
GENG'S CORNER DI NO. 103A, JALAN DIPLOMATIK PRESINT DIPLOMATIK,
PRESINT 15, PUTRAJAYA 62050, SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA

ANIS LAILA BTE ADAM
2006125203

JABATAN SENIBINA DALAMAN
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
PERAK
KAMPUS SERI ISKANDAR

OKTOBER 2009

ABSTRAK

Projek akhir untuk para pelajar Diploma Rekabentuk Dalaman adalah merupakan satu tugas yang mempunyai misi bagi mengkaji sejauh mana kefahaman pelajar tentang aspek projek rekabentuk dalaman yang telah dipelajari dari peringkat asas hinggalah ke peringkat persembahan cadangan rekabentuk. Projek individu yang telah dipilih ialah projek merekabentuk hiasan dalaman restoran dan catering Geng's Corner yang terletak di No. 2, Jalan Boling Padang G 13/G, Seksyen 13 Shah Alam, Selangor. Restoran yang dicadangkan ini adalah sebuah restoran hak milik syarikat produksi animasi tempatan yang bernama Les' Copaque Production Sdn Bhd iaitu syarikat yang menghasilkan filem pendek, iklan dan filem animasi. Restoran ini juga merupakan restoran yang pertama dibuka oleh syarikat ini dimana restoran ini menawarkan menu-menu tempatan yang terdiri daripada masakan kampung. Sehubungan dengan itu, stail rekabentuk yang dipilih ialah *Modern Nature* yang membawa maksud gaya moden yang menampilkan penggunaan semulajadi. Gaya ini banyak menampilkan warna semulajadi. Bagaimanapun sebelum mendapatkan hasil rekabentuk yang sesuai untuk restoran sebegini, beberapa kajian perlu dilakukan dimana kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti jenis-jenis kajian dan sasaran pengguna di restoran ini. Antara kajian yang dilakukan termasuk kajian pemilihan tapak, temuramah, pemerhatian, kajian kes dan soal selidik. Kajian-kajian dan proses pengumpulan data akan diterapkan didalam proses merekabentuk agar tercapai objektif dimana ianya bermatlamatkan rekabentuk ruang yang selesa dan menarik.

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim.....

Assalamualaikum w.b.t

Alhamdulillah syukur kehadiran Illahi kerana rahmat dan limpah kurnianya,saya telah berjaya menyiapkan laporan projek akhir ini dalam tempoh yang telah ditetapkan .Ribuan terima kasih diucapkan kepada Dr. Abdul Halim Bin Abdul Manaf selaku penyelia laporan projek akhir ini yang telah banyak membantu serta memberikan cadangan yang bernas dalam usaha untuk menyempurnakan laporan ini. Jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Puan Azizah Md Ajis selaku Koordinator Program yang telah memberikan tunjuk ajar dalam cara-cara yang berkesan untuk menulis laporan ini mengikut format yang betul.

Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Geng's Corner selaku klien saya yang telah banyak memberikan pengetahuan tentang projek dan pendapat tentang keperluan dalam ruang. Tidak lupa juga kepada beberapa pihak yang lain sama ada yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dan tidak pernah jemu memberikan kerjasama dan memberi bantuan maklumat dalam menjayakan laporan projek akhir ini.Turut terlibat dalam menjayakan projek akhir ini iaitu kedua-dua ibu bapa saya yang banyak memberikan dorongan dari segi mental dan fizikal dan juga bantuan kewangan. Sekalung penghargaan diucapkan kepada kakitangan UiTM Perak terutamanya para pensyarah dan khususnya rakan-rakan seperjuangan yang telah banyak member inspirasi serta idea-idea bernas dalam proses menyiapkan laporan ini.Dengan itu semua jasa dan pengorbanan yang telah diberikan amatlah dihargai dan tidak mungkin dilupai.

ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
ABSTRAK	i
PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI FOTO	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xxi
BAB 1.0 PENDAHULUAN	1
1.1 PENGENALAN	
1.2 METODOLOGI KAJIAN	4
1.2.1 Fasa Pertama	4
1.2.2 Fasa Kedua	
1.2.3 Fasa Ketiga	8
1.3 MATLAMAT PROJEK	11

1.4	MATLAMAT KAJIAN	12
1.5	SKOP KAJIAN	13
1.6	HALANGAN KAJIAN	15
1.7	KEPENTINGAN KAJIAN	16
BAB 2.0	KLIEN	17
2.1	LATAR BELAKANG KLIEN	17
2.2	CARTA ORGANISASI	18
2.3	VISI DAN MISI KLIEN	19
2.3.1	Visi	
2.3.2	Misi	
2.4	IMEJ KORPORAT KLIEN	20
2.4.1	Logo Syarikat	
BAB 3.0	KAJIAN DAN ANALISA TAPAK	21
3.1	PEMILIHAN TAPAK	21
3.2	ANALISA TAPAK	22